

KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD
(PENDAFTARAN - KOOP. NEGARA NO. 66)

ATURAN TABUNG DERMA KEBAJIKAN
KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD

1.0 TAJUK

- (1) Skim ini dinamakan ATURAN TABUNG DERMA KEBAJIKAN **KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD** hendaklah ditubuhkan mulai daripada tarikh diluluskan Aturan-aturan “ TABUNG DERMA KEBAJIKAN **KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD.**”
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil **45(2)**
(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Koperasi.

2.0 TAKSIRAN

- (a) “Undang-undang Kecil” bermakna Undang-undang Kecil **Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.**
- (b) “Aturan” bermakna Aturan Derma Kebajikan **Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.**
- (c) “Koperasi” atau “Koperasi ini” bermakna **Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.**
- (d) “Anggota” bermakna anggota **Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.**
- (e) “Lembaga” bermakna Lembaga **Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.**
- (f) “Mesyuarat Agung” bermakna Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi.

3.0 TUJUAN

Tujuan Aturan-aturan ini diwujudkan ialah untuk:-

- (1) Memberi sumbangan urusan pengkebumian bagi kes kematian anggota dan tanggungan anggota (pasangan dan anak-anak)

- (2) Memberi sumbangan kepada anak-anak berumur di bawah 18 tahun dan belum berkahwin selepas kematian ibu atau bapa yang menjadi anggota.
- (3) Memberi sumbangan perbelanjaan perubatan anggota (pembedahan kos melebihi RM1,000 melainkan kes-kes kerana bersalin) hanya sekali sahaja. Bantuan hanya kepada anggota-anggota yang mengidap sakit berat antaranya.
- (4) Barah, sakit jantung, ketumbuhan yang serius, mata , rosak otak, lumpuh dan seumpamanya yang pada pendapat Lembaga sangat wajar mendapat bantuan dari tabung ini.
- (5) Memberi bantuan kerosakan rumah sendiri secara keseluruhan akibat kebakaran.
- (6) Memberi bantuan yang selain daripada (1), (2), (3) dan (4) bagi tujuan keagamaan dan kenegaraan yang difikirkan patut dan munasabah oleh Lembaga.

4.0 MODAL DAN SUMBER KEWANGAN

- 4.1 Modal dan sumber kewangan bagi melaksanakan Kumpulan Wang ini adalah diperolehi dari:-
 - (a) Keuntungan dari pelaburan simpanan tetap ke atas Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian **Koperasi Kospeta Malaysia Berhad**.
 - (b) Dari pembiayaan peruntukan keuntungan bersih tahunan Koperasi tidak melebihi 10% yang dipersetujui oleh Mesyuarat Agung Perwakilan.
 - (c) Dari sebarang derma yang diberi oleh anggota-anggota dan lain-lain badan.

5.0 CARA MENGELOUARKAN WANG DERMA

Setelah mendapat perakuan benar dari pihak yang diputuskan oleh Lembaga dan membuat perakuan oleh anggota-anggota akan tuntutan permohonannya, maka pembayaran derma di bawah tabung ini bolehlah dikeluarkan dengan persetujuan Mesyuarat Lembaga.

6.0 KADAR BANTUAN

<u>Kes-kes</u>	<u>Jumlah Derma</u>
(a) Urusan Pengkebumian - Anggota - Suami/isteri/anak	RM300.00 RM100.00
(b) Sumbangan Anak dibawah Umur 18 tahun dan belum berkahwin	RM 50.00
(c) Rumah Terbakar Keseluruhan (100%)	RM500.00
(d) Perbelanjaan Pembedahan	RM500.00

Lembaga adalah berkuasa membuat dasar dan menentukan banyak atau sedikitnya wang yang akan didermakan, dengan berpandukan di atas kedudukan Kumpulan Wang Derma Kebajikan ini dari semasa ke semasa.

7.0 CADANGAN MENGGUNAKAN KEMUDAHANINI

- 7.1 Semua anggota-anggota Koperasi ini yang termasuk di dalam penyataan tujuan tabung ini adalah berhak mendapat derma dengan mengemukakan permohonan mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Lembaga.

8.0 PINDAAN KEPADA ATURAN

- 8.1 Aturan ini boleh dipinda dengan syarat ianya hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

9.0 TAHUNAN KEWANGAN

Tahunan Kewangan Tabung ini adalah seperti tahun kewangan Koperasi ini.

10.0 CARA MEMOHON

Anggota atau waris terdekat anggota yang layak bolehlah memohon bantuan Derma dengan mengisi boring tuntutan atau menulis surat terus kepada Koperasi dengan melampirkan dokumen yang berkaitan seperti berikut:-

- (a) Sumbangan urusan pengkebumian
 - i) Borang tuntutan atau surat yang telah disahkan oleh Pengerusi/ Setiausaha Kawasan atau Pengurusan
 - ii) Mengemukakan salinan sijil pengkebumian.
- (b) Sumbangan kepada anak-anak kematian ibu/bapa
 - i) Borang tuntutan atau surat yang telah disahkan oleh Pengerusi/ Setiausaha Kawasan atau Pengurusan
 - ii) Salinan sijil beranak anak-anak yang telah disahkan oleh Pengerusi/ Setiausaha Kawasan atau Pengurusan.
 - iii) Mengemukakan salinan sijil pengkebumian.
- (c) Sumbangan Perbelanjaan Perubatan Anggota
 - i) Borang tuntutan atau surat yang telah disahkan oleh Pengerusi/ Setiausaha Kawasan atau Pengurusan.
 - ii) Pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan atau lain - lain Institusi Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- (d) Sumbangan Kerosakan Rumah Akibat Kebakaran
 - i) Borang tuntutan atau surat yang telah disahkan oleh Pengerusi/ Setiausaha Kawasan atau Pengurusan.
 - ii) Salinan laporan polis dan disertakan bukti bergambar.

11.0 AUDIT

Audit Skim ini hendaklah beraudit bersekali dengan akaun-akaun Koperasi ini setahun sekali.

12.0 PENGGANTUNGAN/PEMBUBARAN SKIM INI

Jika keadaan atau kedudukan kewangan skim ini tidak mengizinkan lagi operasinya diteruskan, Anggota Lembaga berkuasa menggantung perjalanan skim ini sehingga keadaan atau kedudukan kewangannya dipulihkan semula atau membubarkannya sama sekali.

13.0 MAKLUMAT KEPADA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Anggota Lembaga hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan mengenai aktiviti-aktiviti Tabung ini serta membuat cadangan-cadangan bagi memajukannya.

14.0 TAKRIF

Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai aturan ini takrif Anggota Lembaga adalah muktamad.

15.0 PINDAAN KEPADA ATURAN-ATURAN

- 15.1 Aturan-aturan ini hendaklah dibaca bersama dengan Undang-undang Kecil Koperasi dan Akta Koperasi serta Peraturan-peraturan.
- 15.2 Lembaga Koperasi bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam Aturan ini apabila difikirkan mustahak dan memaklumkan kepada Mesyuarat Agung Perwakilan untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan skim ini.

Aturan Tabung Derma Kebajikan Kospeta Malaysia Berhad telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 32 pada 22 Jun 2014.